

# UTUSAN MALAYSIA 21 NOVEMBER 2013

## SAAB optimis terima kontrak ganti MiG-29N

Oleh **SOFIAN BAHAROM**  
sofian.baharom@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 20 Nov. - Syarikat pengeluar pesawat tempur, SAAB yang berpangkalan di Sweden, optimis Malaysia akan menimbang untuk menggantikan pesawat tempur pelbagai fungsi (MRCA) milik Tentera Udara Diraja Malaysia, MiG-29N Fulcrum, dengan pesawat tempurnya, JAS-39 C/D Gripen.

Pengarah Urusan SAAB International Malaysia Sdn. Bhd. (SAAB), Thomas Linden berkata, TUDM buat masa ini sedang mengkaji kemungkinan itu selepas barisan pegawai-pegawai tertinggi ketumbukan tersebut mengadakan lawatan ke pangkalan syarikat itu di Sweden baru-baru ini.



**THOMAS LINDEN**

Pesawat pejuang JAS-39 C/D Gripen, yang dikeluarkan oleh SAAB, merupakan antara empat pesawat yang dikatakan pilihan untuk menggantikan MiG-29N Fulcrum.

Pesawat-pesawat yang lain termasuk Boeing F/A-18E/F Super Hornet, Rafale dan Eurofighter Typhoon.

"Kita telah disenarai pendek oleh kerajaan Malaysia walaupun program penggantian MiG-29N Fulcrum itu ditunda. SAAB kini aktif mengikuti sebarang perkembangan berhubung program itu.

"Kita optimis Gripen akan menjadi pilihan bagi TUDM atas kapasiti pesawat itu sebagai sebuah aset yang berprestasi tinggi dan pada masa sama kos efektif dalam memenuhi tuntutan pertahanan Malaysia," katanya kepada pemberita di Universiti Pertahanan Na-

sional Malaysia (UPNM) di sini hari ini.

Setakat ini jelas Thomas, pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menggunakan pelbagai produk

keluaran SAAB termasuk

Senjata Anti Kereta

Kebal

Carl-Gus-

taf,

Sis-

tem

Pengurusan Tempur

Tentera Laut Diraja Mala-

aysia (TLDM) 9LV dan Radar Perta-

hanan Udara Giraffe 40.

Yang turut menjadi kegunaan pasukan pertahanan negara, kata beliau, adalah Radar Pemantau 150 Sea Giraffe milik Kapal Diraja (KD) Lekiu, Radar Pengesan Senjata Artileri Arthur, EW milik Sukhoi 30 MKM dan Sistem Pengesan Automatik (AIS) untuk pengesanan pesisiran maritim.



**PESAWAT tempur JAS-39 C/D Gripen keluaran SAAB dari Sweden.**